

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Penghuni flat di bawah MBPJ berjiran dengan sampah

Kontraktor culas kutip sampah?

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ PETALING JAYA 6 SEPT.

FLAT Desa Mentari tidak seindah dan segah namanya.

Terletak di PJS 6/6D, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya penghuninya agak malang kerana terpaksa berdepan dengan masalah sampah setiap hari yang didakwa berpunca daripada kegagalan kontraktor mengutip sampah mengikut jadual.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di perumahan yang mempunyai 11 blok di kawasan berbeza itu mendapati penghuni seolah-olah hidup berjiran dengan sampah.

Bukan sahaja sisa pepejal, bahkan sampah pukal seperti perabot, sofa, tilam, dahan, besi dan kayu memenuhi persekitaran.

Malah keadaan menjadi lebih teruk dengan bau busuk serta kehadiran tikus, lalat, gagak dan binatang berbisa.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa perumahan bertingkat di bawah pentadbiran Majlis

Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mendapati situasi sama turut berlaku.

Longgokan sampah memenuhi kawasan persekitaran Flat Taman Desa Ria, Flat PKNS dan Flat Medan Jaya di kawasan Taman Medan dan Taman Datuk Harun. Tidak hanya halaman perumahan, longkang dan bumbung turut menjadi mangsa.

Berdasarkan pemerhatian *Utusan Malaysia* sikap kurang prihatin segelintir penghuni yang mengabaikan aspek kebersihan menyumbang kepada masalah tersebut.

Penghuni bukan sahaja membuang sampah di luar tong sampah, bahkan sewenang-wenangnya mencampakkan sampah dari tingkat atas ke bawah tanpa memikirkan keselamatan dan-pe-rasaan orang lain.

Penduduk mendakwa disebabkan sampah tidak dikutip

mengikut jadual, persekitaran kawasan perumahan mereka tidak pernah surut daripada timbunan sampah.

Difahamkan kontraktor hanya mengutip sampah yang berada di dalam tong dan rumah sampah tetapi langsung tidak menyentuh sampah yang dilonggok di luar.



Longgokan sampah memenuhi kawasan persekitaran Flat Taman Desa Ria, Flat PKNS dan Flat Medan Jaya di kawasan Taman Medan dan Taman Datuk Harun. Tidak hanya halaman perumahan, longkang dan bumbung turut menjadi mangsa.